

30 OCT 2003

MAHATHIR-BON

PASARAN BON ASIA BAWA KESAN POSITIF KEPADA EKONOMI RANTAU ASIA

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata inisiatif penubuhan pasaran bon asia (ABMI) akan membawa kesan positif kepada ekonomi negara-negara Asia Timur kerana ia akan memperdalam lagi pasaran-pasaran modal tempatan.

"Dengan itu simpanan Asia akan dapat digemblingkan di Asia untuk projek-projek pembangunan sama ada dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan ataupun pihak swasta," katanya ketika menjawab soalan asal Datuk Zulhasnan Rafique (BN-Wangsa Maju) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, melalui mekanisme bon, peminjam-peminjam dapat mengelakkan masalah "mismatch" pembiayaan seperti yang berlaku semasa krisis kewangan, di mana pinjaman jangka pendek digunakan untuk membiayai pelaburan jangka panjang.

Dengan wujudnya saluran alternatif iaitu selain pasaran ekuiti, pasaran bon Asia yang dinamik akan dapat memastikan ekonomi tempatan lebih berdaya tahan dalam menangani risiko sistemik sekiranya berlaku kejutan di masa hadapan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia memiliki pengalaman yang boleh dikongsi bersama bagi memajukan ABMI ini kerana Malaysia memiliki kemudahan asas bagi membangunkan pasaran bon tempatan.

"Malaysia memainkan peranan yang penting dalam pewujudan pasaran-pasaran Bon Asia," katanya.

Kesungguhan Malaysia dalam memastikan kejayaan inisiatif Pasaran Bon Asia juga kerana Malaysia berhajat memperluaskan lagi pasaran modal Islam di rantau ini.

Ketika menjawab soalan tambahan Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman) Dr Mahathir berkata, negara-negara Asia sebenarnya mempunyai rizab yang banyak (mencapai trilion dolar), yang kebanyakannya di simpan di negara-negara maju.

Dalam soalnya, Abdul Rahman ingin tahu bagaimana Pasaran Bon Asia boleh memulihkan pertumbuhan ekonomi negara-negara Asia kerana beliau mendakwa "tidak nampak" ada pasaran untuk pembelian bon-bon tersebut.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, "Kalau kita buka mata, kita akan nampak pasaran ini."

Perdana Menteri berkata, malangnya negara-negara Asia sebenarnya memberi keuntungan percuma kepada negara-negara maju yang mengenakan faedah sebanyak tiga peratus atas rizab yang disimpan, serta mengenakan faedah sebanyak lima peratus sekiranya negara-negara Asia ingin meminjam daripada mereka.

"Sebenarnya sehingga kini negara-negara Asia menyimpan rizab di negara-negara maju, dengan itu, apabila Asia memerlukan wang pinjaman (dari negara maju), kita sebenarnya berhutang duit kita sendiri yang kita simpan di negara lain."

"Mereka (negara maju) yang simpan duit itu sebenarnya berhutang kepada negara-negara Asia kerana kita (sebenarnya) membayar faedah ke atas wang simpanan kita, dan mereka (negara maju) sebenarnya bankrap. Mereka hidup dengan membelanjakan wang kita," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, negara-negara Asia sebenarnya membuat pelaburan yang tidak tepat dengan menyimpan rizab dalam bentuk wang asing dan memberi faedah percuma kepada negara maju.

Menurut beliau, dengan inisiatif Penubuhan Pasaran Bon Asia, negara-negara di rantau ini boleh membawa balik rizab yang disimpan di

negara maju, dan memberi pinjaman kepada negara-negara Asia yang memerlukan.

"Apa salahnya (negara) yang mempunyai lebih ini tabungkan dalam satu tabung, dan memberi pinjam (kepada negara Asia lain) melalui bon Asia ini," katanya.

"Adalah tidak benar jika dikatakan bahawa negara-negara Asia ini tidak maju. Sebenarnya pertumbuhan ekonomi yang terbesar adalah di Asia Timur.

Menurutnya, ini adalah kenyataan memandangkan ramai pelabur yang datang melabur di Malaysia serta di negara-negara Asia yang lain. -- BERNAMA

WNZ AHM